

17 JUL 2001

Sukan SEA-Promosi

PROMOSI SUKAN SEA AKAN DITINGKATKAN

KUALA LUMPUR, 17 Julai (Bernama) -- Sambil menyifatkan promosi Sukan SEA sebagai "boleh dipertingkatkan lagi", Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein hari ini berkata mulai sekarang beliau akan melihat secara lebih terperinci usaha ke arah itu.

Katanya banyak perubahan daripada segi promosi sukan itu akan dapat dilihat mulai sekarang.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pengelola Sukan SEA di sini, beliau berkata bahawa menjelang hujung bulan ini, 20 papan iklan elektronik, sepanduk, kain pemedang dan seumpunya akan dinaikkan di semua bandar tempat pertandingan akan berlangsung.

Papan-papan iklan serta sepanduk itu akan dipasang di pintu-pintu masuk seperti di lapangan terbang dan pelabuhan serta sekitar Pulau Pinang, Seremban, Port Dickson, Johor Baharu dan Lembah Klang. Sukan SEA akan berlangsung dari 8-17 Sept ini.

Ketika ditanya sama ada beliau berpuas hati dengan promosi sukan itu setakat ini, Hishammuddin berkata, ia boleh ditingkatkan.

Beliau berkata pendekatan promosi yang dibuat sekarang ialah terhadap pelajar sekolah serta usaha membawa sukan ini kepada orang ramai kerana ini merupakan pertama kali ia turut diadakan di luar Lembah Klang.

Sebanyak 27 sekolah dikenal pasti sebagai sekolah angkat untuk Sukan SEA dengan 11,000 pelajarnya akan diberi peluang untuk menyaksikan sukan berkenaan, katanya.

Hishammuddin berkata promosi juga akan dibuat dengan memaparkan pengorbanan yang dilakukan oleh atlit dalam memikul tanggungjawab dan harapan negara yang disandarkan kepada mereka.

Ketika ditanya mengenai penjualan tiket, beliau berkata, sambutan yang diberikan oleh peminat dari luar Malaysia lebih baik daripada sambutan rakyat tempatan.

Bagaimanapun, katanya, kementerian mempunyai strategi tertentu mengatasi masalah itu seperti pembelian tiket dengan cara yang banyak dan kemudian diagihkan kepada murid-murid sekolah.

Satu tabung untuk orang ramai menderma akan dilancarkan awal Ogos ini bagi membolehkan wang daripada tabung itu digunakan untuk membeli tiket yang kemudiannya akan diberikan kepada murid-murid miskin, orang kurang upaya dan seumpamanya untuk mereka menyaksikan sukan itu.

Hishammuddin berkata bahawa pada mesyuarat hari ini beliau menerima laporan daripada beberapa jawatankuasa kecil mengenai persiapan masing-masing untuk Sukan SEA itu.

Katanya raptai Larian Obor dari Dataran Merdeka ke Stadium Nasional, Bukit Jalil diadakan setiap hari untuk memastikan masa yang diambil bagi larian itu sesuai dengan dengan masa untuk perasmian sukan itu.

Raptai formasi manusia juga dijalankan manakala raptai penuh akan diadakan pada 21, 25 Ogos serta 4 dan 5 Sept. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka hadir untuk menyaksikan satu daripada raptai penuh itu.

-- BERNAMA

AZ ZS MAI